

# Dr Mahathir tegur penghalang kemajuan negara

KUALA LUMPUR, Isnin -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini menegur setengah golongan di negara ini yang cuba menghalang usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara dan bangsa yang mulia.

Perdana Menteri berkata, golongan itu hanya cuba mencari kesalahan dan membuat kritikan terhadap pelbagai perubahan serta pendekatan yang digunakan oleh kerajaan.

Bagi golongan ini, katanya, slogan bersih, cekap dan amanah tidak bermakna, kononnya kerana kepemimpinan negara ini tidak bersih, tidak cekap dan tidak amanah. Walaupun tidak ada bukti, mereka akan cuba mencipta buktinya.

Golongan itu juga menegur proses perindustrian, industri berat, Dasar Pandang ke Timur dan menjalankan kempen sehingga mengganggu matlamat kerajaan membawa perubahan.

"Sedih sekali. Apabila sesuatu bangsa tidak mempunyai kepercayaan diri, maka sudah tentu bangsa itu akan kekal dalam kebinaan. Nampaknya inilah yang sedang diusahakan oleh setengah-setengah orang di Malaysia," katanya di majlis makan malam anjuran Kelab Kebangsaan Wartawan Malaysia, di sini.

Perdana Menteri berkata, perubahan dan pendekatan dalam pentadbiran kerajaan adalah semata-mata untuk menjadikan rakyat lebih maju, bebas dan dihormati.

"Jika kita mahu dihormati, dikenali dan disanjung tinggi kita perlu mempunyai sifat-sifat yang boleh dihormati, menarik perhatian dan membawa kejayaan.

"Sebab itulah, kerajaan cuba membentuk pentadbiran yang lebih bersih, lebih cekap dan lebih amanah," tegasnya.

Menurut Datuk Seri Dr

Oleh MANJA ISMAIL

Mahathir, golongan itu menganggap Malaysia sebagai ladang desa dan lombong dunia, tidak lebih daripada itu.

Bagi mereka, tegasnya, Malaysia tidak boleh berangan-angan menjadi lebih daripada ladang dan lombong dunia.

Sehubungan itu, Perdana Menteri bertanya: "Apakah akhbar-akhbar kita berani menentang aliran ini?"

## Fitnah

"Kerajaan tidak suka diampui, tetapi yang benar, katalah benar. Yang dianggap 'hero' mungkin juga salah. Katakan dan sebutkan. Jangan cuba mencipta pendapat umum dan kemudian takut dengan pendapat ciput sendiri," tegasnya.

Menurutnya, golongan ini tidak boleh ditegur atau dinasihati kerana mereka berpendapat hanya orang asing yang boleh menasihati mereka.

Katanya, keadaan itu berlaku apabila sesuatu bangsa dilanda perasaan rendah diri.

Dalam ucapannya yang didengar oleh wartawan luar dan dalam ne-

geri, Datuk Seri Dr Mahathir juga menyentuh kebebasan dan demokrasi.

Katanya, walaupun ketakutan kepada kekerasan dihapuskan oleh demokrasi, masyarakat manusia masih lagi diancam ketakutan iaitu dalam bentuk fitnah.

"Dalam masyarakat demokrasi, amat senang untuk memfitnah dan memusnahkan seseorang, terutama orang yang terkenal. Jika seseorang tokoh itu bergantung kepada popularitinya, ketokohnya boleh hilang disebabkan fitnah," ujarnya.

Katanya, bagi golongan yang gemar membuat fitnah, apa saja yang ada di negara ini semuanya tidak betul dan kesalahan yang kecil akan diperbesar-besarkan.

"Dengan itulah setiap hari kita membaca krisis ekonomi dan politik yang seolah-olah akan memusnahkan kita. Kita melaung-laung dan menakutkan pelabur-pelabur asing daripada melabur di negara kita.

"Hakikat sebenarnya kita masih hidup dan tidak pernah kecewa. Tidak ada siapa yang untung jika kita memandang rendah kepada negara sendiri," ujarnya.